

28 JAN 1999

MAHATHIR-TIBA

DR MAHATHIR TIBA DI DAVOS UNTUK HADIRI FORUM EKONOMI DUNIA

Oleh: Yong Soo Heong

DAVOS (Switzerland), 28 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk menghadiri Forum Ekonomi Dunia.

Beliau tiba dengan keretapi di stesyen Davos-Dorf sebelum berjalan kaki ke hotel penginapannya yang berdekatan dalam cuaca sejuk.

Perdana Menteri sebelum ini tiba di lapangan terbang Zurich dan menaiki keretapi yang mengambil 90 minit perjalanan dari stesyen Landquart.

Dr Mahathir dijemput memberikan ucapan di forum tahunan enam hari itu yang bermula hari ini dan dihadiri oleh lebih 1,600 peserta yang terdiri dari negarawan, pemimpin-pemimpin perniagaan dan ahli-ahli akademik.

Forum bertajuk "Tanggungjawab Sejagat: Pengurusan dan Kesan Kesejagatan" itu bertujuan untuk merangka agenda ekonomi dunia.

Para pemerhati berkata jemputan kepada Dr Mahathir mencerminkan penghormatan tinggi masyarakat antarabangsa terhadap Perdana Menteri dan keyakinan beliau bahawa beliau akan dapat menyumbang buah fikiran kepada tatacara ekonomi dunia yang lebih adil dan seimbang.

Ia juga mencerminkan pengiktirafan pengkritik-pengkritik Malaysia bahawa negara di bawah kepemimpinan Dr Mahathir telah mengatasi keributan krisis ekonomi yang bermula pada pertengahan 1997. -- BERNAMA

SHY JR